

SIARAN MEDIA

LAMBANG SARI SERIES 2023 BUKTI RAKYAT MALAYSIA MINAT DENGAN MUZIK KLASIKAL BARAT

KUALA LUMPUR, 18 November 2023 – Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) berjaya membuktikan bahawa rakyat Malaysia ternyata meminati muzik klasikal melalui persembahan Lambang Sari Series (LSS) 2023 dengan bertemakan *A Celebration of Classical Music* di Istana Budaya.

Hasil sokongan daripada masyarakat tempatan, Istana Budaya telah berjaya mencapai penjualan tiket yang menggalakkan atau *full house* untuk keempat-empat siri LSS 2023 dengan kutipan sebanyak RM141,090.00 dan sejumlah 4,703 orang penonton dengan harga tiket RAHMAH serendah RM30.00 (*flat rate*).

Puan Zubaidah Mukhtar, Ketua Pengarah Istana Budaya menyatakan bahawa “OSK telah berjaya membawa satu fenomena muzik simfoni kepada rakyat Malaysia khususnya dalam pembangunan kecemerlangan artistik Malaysia MADANI ke tahap antarabangsa dan masyarakat tempatan berpeluang merasainya sendiri di pentas Istana Budaya.”

Persembahan orkestra muzik klasikal barat ini merangkumi empat (4) siri persembahan dan siri terakhir ini menampilkan pemain solo piano Celestin Yoong Qian Yi dengan memainkan lagu ciptaan *Felix Mendelssohn* dan *Wolfgang Amadeus Mozart* bersama OSK. Beliau merupakan alumni program PERMATA Seni Muzik dan kini meneruskan pengajian Sarjana bersama Profesor Christopher Hinterhuber di Universiti for Music and Performing Arts di Vienna, Austria. Persembahan penutup LSS 2023 ini juga melibatkan seramai 35 orang pemuzik OSK dan 5 orang pemuzik jemputan dalam mengiringi pemain solo piano.

Encik Nasran Nawi, Konduktor OSK menyatakan “kami ingin memberikan peluang kepada *young talents* untuk menyerlahkan bakat sebagai pemain muzik profesional dan merasai pengalaman mengadakan persembahan secara solo dengan iringan muzik orkestra bersama OSK”.

“Alunan muzik dapat menyentuh perasaan apabila kata-kata tidak dapat diungkapkan” ujar Konduktor OSK lagi dengan keterujaan melihat sambutan yang amat menggalakkan oleh pelbagai golongan tidak mengira kelas kumpulan dan bangsa.

Tema *A Celebration of Classical Music* ini telah memberi penonton merasai persembahan orkestra muzik dari era ‘*Baroque*’, ‘*Classical*’ hingga ke era ‘*Romantique*’.”

Bagi persembahan LSS 2023 yang lepas, siri pertama pada 8 Julai 2023 telah menampilkan Foo Chie Haur sebagai pemain solo seruling/*flute*. Manakala siri kedua pada 9 September 2023 telah menjemput Bryan Lee Kit Meng sebagai pemain solo hap/*harp* dan siri ketiga pada 21 Oktober 2023 merupakan *full string orchestra* oleh OSK bersama pemuzik jemputan.

###

**Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA**

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my

Facebook, Instagram: @istanabudaya & TikTok: @istanabudayaofficial